

# DYNAVATE CREAM

Betamethasone Valerate (0.1% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DYNAVATE CREAM
2. Bagaimana DYNAVATE CREAM berfungsi
3. Sebelum menggunakan DYNAVATE CREAM
4. Cara menggunakan DYNAVATE CREAM
5. Semasa menggunakan DYNAVATE CREAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DYNAVATE CREAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan DYNAVATE CREAM

Untuk melegakan keradangan kulit yang bertindak balas dengan kortikosteroid.

## Bagaimana DYNAVATE CREAM berfungsi

Bertindak untuk memberi kesan anti-keradangan kepada penggunaan kortikosteroid topikal.

## Sebelum menggunakan DYNAVATE CREAM

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan gunakan jika anda mempunyai:

- Kemerahan muka
- Jerawat
- Ruam di sekeliling mulut
- Jangkitan virus
- Jangkitan bakteria dan kulat
- Hipersensitiviti kepada Betamethasone atau penyediaan ubat.
- Kencing manis
- Peningkatan tekanan pada mata

## Mengandung dan menyusukan anak

Jangan guna DYNAVATE CREAM jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan guna DYNAVATE CREAM jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- *Sebelum mula menggunakan DYNAVATE CREAM*

Penggunaan kortikosteroid topikal tidak boleh diguna dengan balutan luaran untuk kawasan yang besar pada badan kerana dapat meningkatkan risiko

keracunan sistemik. Kortikosteroid tidak boleh disapu pada ulser di bahagian kaki.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan DYNAVATE CREAM

- *Berapa banyak harus digunakan*

Sapukan secara nipis pada bahagian yang terjejas dua hingga tiga kali sehari.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- *Bila perlu digunakan*

Gunakan dua hingga tiga kali sehari atau seperti diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan penggunaan DYNAVATE CREAM untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Sapukan krim sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Bagi penggunaan kortikosteroid topikal, masalah dos berlebihan berkemungkinan tidak akan dihadapi. Dapatkan nasihat doktor dengan segera jika sebarang reaksi luar biasa yang serius telah berlaku.

## Semasa menggunakan DYNAVATE CREAM

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan DYNAVATE CREAM.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi DYNAVATE CREAM dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Jangan gunakan krim ini jika terdapat jangkitan. Kadang-kadang ia boleh digunakan dengan penambahan ubat antimikrobial yang sesuai dalam rawatan kulit yang dijangkiti tetapi terdapat risiko reaksi sensitiviti berlaku. Elakkan penggunaan topikal jangka panjang terutama pada kanak-kanak.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, DYNAVATE CREAM boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan berikut dilaporkan jarang berlaku dengan kortikosteroid topikal tetapi, boleh berlaku dengan lebih kerap dengan menggunakan balutan di bahagian luar. Reaksi-reaksi ini disenaraikan dalam anggaran kejadian mengurang jika berlaku; pedih, gatal-gatal, iritasi, kekeringan, keradangan folikel rambut, pertumbuhan rambut tidak normal, letusan jerawat, pencerahan kulit, kulit menjadi lembut dan rosak, lebam kecil di sekeliling mulut, alahan keradangan kulit, jangkitan sekunder, penipisan kulit, tanda regangan dan ruam panas.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

# DYNAVATE CREAM

Betamethasone Valerate (0.1% w/w)

---

## **Cara penyimpanan dan pelupusan DYNAVATE CREAM**

### - Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak - kanak

Pastikan bekas tertutup rapat

Simpan di tempat kering di bawah suhu  
30°C

Lindungi daripada cahaya

Untuk kegunaan luar sahaja

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan  
melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda

mengenai cara yang betul untuk

melupuskan ubat yang tidak diperlukan

lagi. Langkah-langkah ini dapat

membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### - Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih dengan wangian

Baby Jo

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Betamethasone-17-Valerate

- Bahan tidak aktif

White Soft Paraffin, Liquid Paraffin,

Emulgate 1000 NI, Chlorocresol,

Deionised Water, Glycerin, Baby Jo

Fragrance

### - Nombor MAL

MAL19950042AZ

## **Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk**

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.

2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,

Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600

Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

16/07/2018

## **Nombor Siri:**

NPRA(R4/1)100718/00189